

22/05/1997

Presiden Ericsson sertai panel MSC

KUALA LUMPUR, Rabu - Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Ericsson Dr Lars Ramqvist telah dilantik oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menganggotai Panel Penasihat Antarabangsa bagi Koridor Raya Multimedia (MSC).

Sambil menyatakan rasa terharunya dengan penghargaan itu, Ramqvist berharap untuk menyertai anggota lain dalam panel ini yang merupakan tokoh dalam bidang masing-masing menyumbang secara positif dan aktif bagi menjayakan MSC.

Dalam satu kenyataan hari ini, Ericsson Telecommunications Sdn Bhd di sini berkata Ramqvist mengikuti dengan penuh minat kemajuan di Malaysia khususnya berkaitan dengan MSC yang dianggapnya satu pembangunan dinamik dan berwawasan hingga menarik minat dunia.

Panel yang dipengerusikan oleh Dr Mahathir itu mengandungi 30 orang anggota termasuk nama besar dalam teknologi maklumat seperti Bill Gates dari Microsoft, Louis Gerstner dari IBM dan Gilbert Amelio dari Apple.

Ramqvist, yang menemui Dr Mahathir di London semalam, telah memberi taklimat kepada Perdana Menteri mengenai penyertaan dan pembabitan Ericsson dalam MSC dan keputusan syarikat berkenaan menjadikan Malaysia satu daripada pusat untuk pembuatan telefon bimbit.

Kilang di Shah Alam itu akan mengeluarkan telefon bimbit untuk pasaran rantau Asia Pasifik serta menyediakan beratus-ratus peluang pekerjaan dalam tempoh tiga tahun. Pengeluaran pertama dijangka Disember ini.

(END)